

Munshi Abdullah: Khadam Penjajah atau Guru Bangsa?

Munshi Abdullah: British Lapdog or Nation's Preceptor?

MOHD FAIZAL MUSA & TUJERI SHAH ABDUL RAZAK

ABSTRAK

Terdapat dakwaan bahawa tokoh persuratan Melayu yang terkenal, Munshi Abdullah, adalah ejen Inggeris atau tukang jilat British ekoran karya-karyanya yang anti feodal dan mengkritik bangsa Melayu dengan menggunakan kerangka Barat. Tanggapan ini misalnya diulang-ulang termasuklah dilakukan oleh ahli politik berpengaruh seperti Abdul Hadi Awang. Dakwaan ini dapat diluruskan dengan melihat karya-karya Munshi Abdullah sendiri yang merupakan sebuah rakaman sejarah selain merupakan dokumen peribadi yang dapat menggambarkan krisis nilai dan persoalan aksiologi orang Melayu. Bacaan terhadap naskah yang dihasilkan oleh Munshi Abdullah seperti *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan (1838)*, *Hikayat Abdullah (1849)*, dan *Ceretera Ilmu Kepandaian Orang Putih (1855)* menyerlahkan Munshi Abdullah adalah seorang pendialog yang berfikiran saintifik, reformis dan jujur dalam mengkritik bangsa Melayu. Munshi Abdullah mengkritik dengan adil pihak Inggeris mahupun orang Melayu dan menganggap sesetengah tradisi Melayu itu ketinggalan dan perlu ditinggalkan dalam mengejar kemodenan. Sebagai seorang yang mendalam ilmu agamanya, kritikan Munshi terhadap orang Melayu lahir dari kefahaman ilmu agama dan cara pandang anti feodal yang membekas.

Kata kunci: Munshi Abdullah; Abdul Hadi Awang; reformis; paderi Inggeris; penjajahan; dialog; kristian; tradisi lisan; aksiologi; feodal; persuratan Melayu

ABSTRACT

There are allegations that the famous Malay literary figure, Munshi Abdullah, is a British agent or a British sycophant (lapdog) due to his anti-feudal works and criticism towards the Malay race, applied through Western outlook. This view, for example, is repeated, including by influential politicians such as Abdul Hadi Awang. This claim can be straightened out by looking at the works of Munshi Abdullah himself which serve as historical records as well as personal documents that can illustrate the value crisis and axiological questions of the Malays. Reading the manuscripts written and produced by Munshi Abdullah such as *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan (1838)*, *Hikayat Abdullah (1849)*, and *Ceretera Ilmu Kepandaian Orang Putih (1855)* highlights Munshi Abdullah as a dialoguer whom scientifically minded, reformist and honest in criticizing the Malay people. Munshi Abdullah fairly criticized both the British and the Malays and considered some Malay traditions to be backward and should be abandoned in the pursuit of modernity. As a person with deep religious knowledge, Munshi's criticism of the Malays came from his understanding of religious knowledge and his anti-feudal mind.

Keywords: Munshi Abdullah; Abdul Hadi Awang; reformer; English priest; colonialism; dialogue; Christian; oral tradition; axiology; feodal; Malay literature

PENDAHULUAN

Karya-karya Munshi Abdullah menyimpan pelbagai maklumat zaman. Hari ini kisah-kisah yang dikarang Abdullah dapat dibaca sebagai bahan sejarah, khusus dalam menerangkan keadaan sosio-politik dan krisis nilai Melaka, Singapura dan Pantai Timur Semenanjung. Bahkan, kisah karangan Munshi Abdullah ini dalam masa yang sama adalah rujukan

dan panduan, atau dalam zaman ini merupakan teks pengajaran dan pembelajaran yang sungguh bermanfaat. Teks-teks ini menjadi semacam lida Munshi untuk mengajarkan bangsa Melayu, tambahan pula terdapat elemen didaktik yang sangat kuat. Kisah-kisah yang dikemukakan oleh Munshi juga adalah dalam masa sama merupakan bahan seni, iaitu tulisan penuh artistik yang sangat kaya sebagai sebuah karya persuratan yang memukau.

Aspek-aspek dan komponen di atas dituang dalam karya-karya beliau yang kadang-kala bersifat sangat personal. Atas alasan di atas, karya-karya Munshi Abdullah ini dapat diperhati dan dianalisis dengan menggunakan pendekatan aksiologi.

Dalam hal ini aksiologi berasal dari bahasa Yunani iaitu 'axios' bermaksud nilai dan 'logos' pula memberi maksud ilmu (Kamus Filsafat 2000). Justeru kertas ini akan merujuk kekentalan nilai dan ilmu yang ditekankan oleh Munshi Abdullah dalam karya-karya beliau.

Sebagai sebuah tradisi seni kisah yang disuguhkan oleh Munshi adalah dengan sendirinya sebuah kerja sejarah dengan ciri didaktik, artistik dan sangat peribadi. Ia juga boleh menerangkan persoalan nilai yang menjadi subjek utama dalam perbincangan aksiologi. Kajian Suriasumantri (2000) menerangkan bahawa aksiologi merujuk kepada teori nilai yang berkaitan dengan kegunaan dari pengetahuan yang diperoleh dan ia dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu pertama, etika yang membincangkan isu baik dan buruk sesuatu perkara dan kedua, estetika membicarakan mengenai aspek keindahan sesuatu perkara. Ini menepati apa yang pernah dikaji oleh tokoh sejarah tradisi lisan Barat, Jan Vansina, khusus dalam buku beliau yang monumental berjudul *Oral Tradition: A Study in Historical Methodology* terbit pada tahun 1961.

Kisah-kisah yang Munshi kemukakan dengan itu adalah ilmu sejarah itu, dan dalam masa membahaskan persoalan nilai:

'...they are the only sources which give a detailed account of a series of events. They alone contain a historical perspective. The various types of tale are of very unequal value, simply because they are so different. Historical tales are mainly useful as sources of information about military, political, social, institutional, and legal history. Didactic tales provide information about cultural values. Artistic tales have, on the whole, little value except for the history of psychological attitudes, whereas tales containing personal recollections can be used as sources of information for all forms of history'

(Jan Vansina 1961: 154).

Pandangan Jan Vansina di atas inilah dikemukakan sebagai kerangka operasional bagi memahami duduk-letak Munshi Abdullah dan karya-karyanya untuk generasi kita hari ini dan mendatang. Informasi mengenai nilai budaya yang terkandung dalam karya Munshi Abdullah sangat penting untuk disorot dalam memahami paksi dan cara fikir orang Melayu, dahulu dan sekarang. Ini juga akan membolehkan pembaca hari ini memahami dunia yang dihuni Munshi pada abad

ke 19. Kritikan-kritikan Munshi ketika aktif dalam dunia penerbitan dan percetakan memberi khalayak semasa cabaran yang dialaminya khusus melibatkan orang Melayu.

MUNSHI ABDULLAH DISANJUNG ATAU DISANGGAH?

Istilah Munshi adalah berasal dari perkataan Parsi yang memberi maksud guru. Gelaran ini diberikan kepada Abdullah bin Abdul Kadir oleh masyarakat setempat kepada beliau. Munshi Abdullah dilahirkan di negeri Melaka pada tahun 1797. Beliau meninggal dunia pada bulan Oktober 1854 (Abdul Mutalib Embong et al 2016: 238). Bapanya adalah seorang yang berpengetahuan iaitu Sheikh Abdul Kadir yang berketurunan India-Arab (Ibid 239). Pendidikan Munshi Abdullah berdasarkan sokongan dan latarbelakang keluarga yang mempunyai ilmu pengetahuan di mana nenek sebelah bapa beliau bertanggungjawab dalam memberi pendedahan awal terutamanya mengenai ilmu pengajian bahasa dan agama (Hadijah Rahmat 2020).

Hadijah Rahmat (2020) menjelaskan Munshi Abdullah lahir ketika kuasa Melayu di Asia Tenggara menjadi semakin lemah oleh pelbagai masalah dalaman, dan meningkatnya penguasaan kuasa kolonial Barat. Dalam masa sama, Munshi yang membesar di Melaka dan kemudian menghabiskan masa di Singapura terdedah kepada pelbagai peradaban dan kepercayaan menjadikan diri beliau seorang yang canggih, kompleks dan lantang:

'Abdullah was born and raised in the late 18th to the mid-19th centuries — the time of the fall of the Malay sultanate and the rise of Western colonial powers in Asia — and settled in the cities administered by the English empire in Melaka and Singapore. Melaka and Singapore were, at that time, and arguably still are, cosmopolitan cities, and this backdrop exposed him to a diverse community of denizens from a variegated cultural, religious, education, economic, technological, and social backgrounds. Abdullah's own family, work, and social backgrounds too were open and diverse. The composite nature and uniqueness of the cultural, political, economic and social environments Abdullah found himself in influenced the way he views nature (and consequently his worldview or weltanschauung) which in turn are reflected in his works. Abdullah consciously and creatively integrated all these elements from a variety of sources — Hinduism, Islamic, Western, and Eastern — which congregated and found confluence in the city, particularly in Singapore — an emerging hub of commerce, culture, and publication in the 19th century, and the administrative centre of the British — as a means of personal expression and projecting a self-image that is unique and interesting'

(Ibid: 5).

Karya tulisan beliau yang mendapat perhatian dunia adalah *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* (1838), dan *Hikayat Abdullah* (1849). Beliau turut menghasilkan pelbagai lagi bahan bacaan yang tidak diungkapkan namanya, dan dalam beberapa keadaan ditulis sebagai satu pasukan bersama-sama majikan Inggerisnya. Munshi Abdullah bertugas dengan penjajah British secara longgar yakni berdasarkan khidmat terjemahan, pengajaran bahasa dan pembantu. Di Melaka, beliau bertugas dengan beberapa orang Paderi Inggeris seperti William Milne dan Claudius Henry Thomsen. Kemudian apabila berpindah ke Singapura, Munshi ikut bekerja dengan Alfred North.

Kritikan dan kecaman Munshi Abdullah terhadap bangsa Melayu dalam karya-karyanya menjadikan beliau peribadi yang sering dibahaskan. Justeru tidaklah aneh sosok Munshi itu dinilai secara negatif. Terdapat pandangan Munshi Abdullah misalnya adalah 'khadam penjajah' (Abdul Hadi Awang 2023). Abdul Hadi yang juga seorang ahli politik dari sebuah parti Islam di Terengganu, Malaysia mengatakan di dalam tulisannya, '... bukunya yang diterbitkan pada zaman penjajah dahulu dalam tulisan Jawi, membawa fikrah yang sama dengan penulisan para orientalis Barat yang merendahkan Islam dan penganutnya, termasuk bangsa Melayu kerana Islam yang dianutinya'.

Pandangan Hadi di atas adalah satu ulangan yang sering dikumandangkan. Hadi juga menyamakan Munshi Abdullah dengan syaitan:

'Penulis upahan penjajah itu sengaja mengorek cerita negatif yang tidak boleh dihapuskan adanya di mana-mana tempat dalam jumlah yang kecil, tetapi ia dibesar-besarkan. Hal ini demikian kerana, di semua penjuru dunia pasti adanya syaitan, termasuk juga di Makkah yang mempunyai Abu Jahal dan Abu Lahab serta di Mesir yang mempunyai Firaun. Mengapa cerita yang baik dan banyak bersama Islam ditutup? Bahkan, Islam juga diputar belitnya bagi mengelirukan masyarakat'.

Tuduhan keras Hadi di atas kemudian dilindungi hujah dan argumen beliau bahawa negeri-negeri di Pantai Timur dalam kurun-kurun sebelumnya itu dimusuhi oleh British kerana mengamalkan Islam. Cara pandang Hadi ini bukanlah sesuatu yang baru. Akan tetapi tidak tepat dari segi aksiologinya, yang membahaskan nilai secara lebih mendalam dan falsafah.

Sebagai contoh, *Majalah Guru* (1935) ada menyiarkan sebuah rencana berjudul *Tun Seri Lanang dan Munshi Abdullah* yang mengisytiharkan penerimaan dan penolakan orang Melayu terhadap Munshi. Dalam erti kata lain, dakwaan Munshi

sebagai ejen penjajah bukanlah sesuatu yang baru muncul. Pada setiap tuduhan yang dilemparkan kepada Munshi Abdullah, akan terdapat kelompok yang membaca dan akan menjawabnya. Pengarang dari *Majalah Guru* yang disentuh di atas misalnya mengatakan orang Melayu sepatutnya malu dan menerima hakikat yang ditunjukkan Munshi:

'Hikayat ini bila dibaca tentang *Abdullah Belayar ke Kelantan* - tentang itu tentu ramai orang Melayu menutup muka - malu! Tetapi adalah apa yang dikatakannya itu betul bagaimana yang dirasa oleh Abdullah akan kerendahan pengetahuan dan kehidupan orang-orang Melayu yang mana Abdullah telah memerhatikan dirinya dan bangsa-bangsa Inggeris lebih elok teratur dan hidupnya dan baik hatinya antara bangsa-bangsa lain. Bukan sebagai cerita Raja Melayu di Kelantan berperang adik beradik hendakkan sebidang tanah akan diperintahnya hingga menghapuskan jiwa manusia beribu-ribu! Maka begitu juga Abdullah menyatakan peri kekuatan orang Kelantan yang dijumpainya; gelas yang tiada berwarna dan sebagainya - ialah betul! Hendak tahu *Hikayat Abdullah* itulah yang telah mengejutkan orang-orang Melayu semuanya betapa pengotornya orang-orang Melayu itu supaya diubah dengan segera.'

Majalah Guru juga ikut mempertahankan penggunaan *Hikayat Abdullah* 'dijadikan bacaan disekolah-sekolah Melayu itu supaya jadi cermin kepada orang-orang Melayu'.

Petikan di atas menunjukkan pertembungan soal nilai yang menarik untuk didalami. Azmi Junid (1967, 8) cuba mengimbangi kebencian sesetengah pihak terhadap Munshi Abdullah khusus mengenai tuduhan beliau itu seorang *anglophile* (penjilat Inggeris). Kritikan-kritikan Munshi menurut Azmi lagi adalah satu revolusi dalam pemikiran manusia, sesuatu yang sukar dicapai pada waktu itu, dan barangkali juga di zaman ini.

Azmi mengingatkan pengkritik Munshi Abdullah yang kritikkannya terhadap orang Melayu bukan kerana kebencian, tetapi merupakan satu pemerhatian dan analisis yang matang; '*...he was only examining the Malay society through the microscopic lenses of western culture and progress that he had come to be aware of*'. Hal ini menjelaskan seseorang malah sesuatu gagasan itu mempunyai sudut nilai yang boleh didalami apabila diberi sorotan secara besar.

Sanggahan *Majalah Guru* (1935) terhadap mereka yang memusuhi Munshi Abdullah nampaknya masih tidak diterima hari ini memandangkan akhbar konservatif dan Islamis seperti Harakah masih memburukkan Munshi Abdullah dengan alasan-alasan yang sama. Terlepas dari tuduhan Abdul Hadi Awang bahawa Munshi Abdullah adalah khadam penjajah, syaitan

dan Firaun di atas, adalah lebih baik melihat sendiri letak duduknya sosok Munshi Abdullah ini menerusi lensa karyanya sendiri.

Untuk itu makalah ini akan berusaha membetulkan dakwaan bahawa Munshi Abdullah menggunakan ‘Islam juga diputar belitnya bagi mengelirukan masyarakat’ seperti diujahkan Abdul Hadi Awang tersebut. Pihak yang lebih selayaknya menjawab dakwaan Abdul Hadi Awang ini tentulah Munshi Abdullah sendiri, ini kerana karya-karyanya yang merakamkan aspek sosio-politik itu bersifat peribadi, yang disebut Jan Vansina (1961: 154) sebagai ‘...*personal recollections can be used as sources of information for all forms of history.*’

Untuk mencapai tujuan, tulisan ini akan menghuraikan posisi Munshi Abdullah sebagai pendialog peradaban, yakni guru bangsa yang berminda saintifik dan pengkritik masyarakat yang jujur. Sekaligus membuktikan Munshi Abdullah mempunyai nilai yang berbeza sama sekali jika diberi sorotan adil.

METODE PENYELIDIKAN

Kajian ini memberikan perhatian dan menganalisis karya-karya Munshi Abdullah yang berjudul *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* (1838), *Hikayat Abdullah* (1849), dan *Ceretera Ilmu Kepandaian Orang Putih Tentu* (2006) yang sebenarnya ditulis dan diketengahkan sekitar 1855. Karya-karya tersebut bukan sahaja merupakan karya asli beliau, tetapi juga karya bersama-sama dengan majikannya, yang menurut hemat pengkaji boleh menyerlahkan keperibadian Munshi Abdullah yang bersifat saintifik itu. Berdasarkan kutipan dan petikan dari karya-karya ini, pengkaji akan berusaha membuktikan bagaimana Munshi merupakan seorang yang mementingkan hiwar atau dialog, jujur dalam mengkritik masyarakat demi kebenaran; dan mempunyai pemikiran canggih pada abad ke-19 itu. Oleh itu, pengkaji akan menghuraikan nilai sebenar Munshi Abdullah menerusi karya Munshi itu sendiri. Dalam erti kata lain, kertas ini akan membawakan pembaca kepada ruang ‘Munshi menurut Munshi Abdullah itu sendiri’ tanpa memerlukan tafsiran luar yang bias seperti dilakukan secara semberono oleh Abdul Hadi Awang (2023). Ini bermakna karya Munshi akan diketengahkan untuk mempertahankan dirinya sendiri.

Karya-karya yang dikaji ini juga telah mencapai taraf kanun moden, atau karya klasik yang telah menempuh pelbagai analisis, perbahasan

dan penekunan yang beraneka macam dan menjadikannya tekal dan dipercayai sebagai sampel dan data.

Sehubungan itu, pengkaji akan membawakan tanggapan masa kini atau kontemporer seterusnya mengacukannya dengan petikan dari karya Munshi Abdullah. Sekaligus proses ini akan menyerlahkan aksiologi dan sarwa pandang Munshi sebagai seorang guru bangsa.

PERBAHASAN MUNSHI ABDULLAH SEBAGAI PENDIALOG

Merujuk kepada Azizan Baharuddin (2005:17), mantan Pengarah Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya dalam *Dialog Peradaban: Perspektif Global dan Lokal* menyatakan bahawa dialog adalah ‘suatu bicara dengan pihak yang berfikiran berbeza daripada kita’.

Azizan menyatakan bahawa tujuan dialog diadakan adalah mempelajari suatu cara berfikir yang berlainan dan baharu diantara kedua belah pihak. Azizan mengingatkan bahawa dialog adalah satu pendekatan diplomasi melalui kaedah berfikir dengan bernas, dan proses ini disebut sebagai pembangunan pemikiran dalam bermasyarakat. Dialog bukanlah debat dan ini ditekankan oleh Azizan, ‘di masa-masa yang lampau, menemui orang lain (*the Other*) adalah supaya kita dapat mengalahkan mereka atau untuk boleh menangani mereka dengan lebih berkesan lagi. Ini bukan dialog dan dialog juga bukan suatu debat.’

Sesi dialog berlaku agar terbinanya pemahaman antara kedua belah pihak bagi membolehkan pihak berkaitan mengambil keputusan dan membuat tindakan yang munasabah, tepat, tidak menganiaya dan menegakkan keadilan. Hal ini sekali lagi dinyatakan oleh Azizan, ‘di dalam sebuah dialog semua pihak mesti mendengar dengan perasaan yang berempati supaya dapat difahami kedudukan pihak yang lain dengan setepat yang mungkin.’

Sehubungan itu, Azizan telah menggariskan sebanyak tujuh prinsip berdialog. Prinsip-prinsip ini diketengahkan bagi membezakan dialog dengan debat yang bersifat pertandingan dan bertujuan kalah menang. Peraturan pertama dalam prinsip dialog adalah untuk mempelajari dan memahami realiti sebenar agar dapat bertindak dengan lebih matang; kedua, dialog wujud secara intra dan inter peradaban; ketiga, pendialog itu jujur dan menganggap pihak lainnya juga sedemikian; keempat, pendialog mesti boleh, atau dapat menjelaskan pendirian masing-

masing tentang isu atau definisi isu tanpa diganggu; kelima, dialog hanya dapat berjalan apabila pihak terlibat memiliki hak yang sama; keenam, dialog hanya dapat dimulai tanpa rasa curiga dan terbina rasa percaya; ketujuh, pendialog mestilah boleh berempati dengan pihak di seberang (Azizan Baharuddin 2005: 18-19).

Dalam hal Munshi Abdullah sebagai seorang pendialog, beliau mempunyai kewibawaan dalam berdialog dan mematuhi setiap prinsip dialog yang disebut. Oleh demikian, Munshi dihormati oleh pihak yang berdialog dengan beliau.

Mengambil dapatan daripada John Turnbull Thomson iaitu seorang 'surveyor' sekitar tahun 1838-1841 dan penterjemah awal *Hikayat Abdullah*, menyatakan dalam tulisan beliau 'Glimpses into Life in Malayan Lands' (1865) bahawa Munshi adalah seorang pendialog yang matang dalam berbicara dan seorang yang dipercayai. Dalam tulisan beliau berjudul *Abdulla bin Abdul Kader Moonshee* mensifatkan Munshi sebagai 'man of note in Malacca' (Thomson 1984: 323). Thomson juga menyatakan bahawa Munshi boleh berbahasa Inggeris dan dapat menguasai perbincangan atau perbualan seadanya, 'spoke broken English, but understood it pretty well in general conversation' (hlm. 326). Thomson juga menambah bahawa Munshi adalah seorang Muslim yang patuh, 'he was a staunch Mahomedan, yet, notwithstanding this, it was clearly perceptible that his opinions had been much modified' (hlm. 326).

Thomson malah menceritakan bahawa beliau kerap mengadakan beberapa siri dialog dengan Munshi, 'we had frequent arguments, religious and metaphysical.' Perbezaan pandangan dan pendapat dalam siri dialog antara mereka berdua bukanlah sebagai perdebatan kering. Penerokaan pandangan dan pendapat antara kedua pihak berlaku secara matang. Hal ini dapat dilihat bahawa Thomson sendiri merupakan antara penterjemah karya besar Munshi. Banyak topik-topik yang dibincangkan dan antara topik panas yang disentuh adalah isu adalah poligami dan konsep trinititi (hlm: 327-332). Thomson menakrifkan dialog panas antara beliau dan Munshi adalah bersifat setara dan proses berdialog ini mendorong kepada kecerdikan dua belah pihak meskipun terkadang kedengaran mentah dan kasar; 'such were our discussions. They may be crude, but the heat of argument and zeal was not the less on either side.' (hlm: 332).

Mengambil contoh adegan dialog yang paling terkesan antara mereka berdua dirakam Thomson

adalah dimana kedua-dua pendialog berhujah mengenai kebenaran agama masing-masing iaitu Islam dan Kristian tanpa berperang dan menggunakan kekerasan dan fokus dialog ini adalah untuk saling mengerti dan memahami antara satu sama lain:

"Well," said Abdulla, "you must not object to my faith either; for I have our holy Scriptures in the Koran for my guide."

"Very good," said I, "Abdulla; then refrain from calling our holy mysteries absurd."

"But," he would add, "you surely do not believe that Jesus could be the Son of God. He was only a man; though we admit that he was the greatest of the prophets. He could surely never be God's equal. Our faith teaches us to call ourselves hamba Allah (God's slaves). It would be profanation to say that even Jesus could be anything else in this world."

I replied, "I must give much the same answer as previously. If God made the universe- if He be the Almighty-then it follows that all things must be possible with Him, even to His only-begotten Son appearing in the actual man, whose image is of God. We are taught in our holy Scriptures to call God our Father; we are, therefore, His children. You are taught to call yourselves His slaves. Thus our religion must be the better of the two, as it brings us nearer to Him." (hlm: 331-332).

Sehubungan dengan paparan dialog Munshi dan Thomson di atas, adalah menarik juga untuk menekuni perenggan bagaimana Munshi mula membaca untuk pertama kalinya terjemahan *Kitab Injil* yang diberikan oleh Paderi Milne kepada beliau pada hari-hari awal penubuhan Anglo-Chinese College sekitar tahun 1823. Merujuk situasi ini, Munshi mengambil pendekatan berlapang dada dan cuba mempelajari sesuatu diluar dari kepercayaannya. Munshi kekal melakukannya dengan satu tujuan iaitu menambah ilmu pengetahuan (Abdullah Kadir Munsyi 2004: 102).

Hal ini diperkuatkan oleh pandangan Profesor Dodsworth yang memuji kesungguhan Munshi mendekati kitab Injil atau Bible, bukan sebagai teks sakral masyarakat Kristian tetapi menjadikannya sebagai rujukan ilmu. Pandangan Marmaduke Dodsworth dalam tesis sarjana tahun 1928 itu turut dikutip oleh Northcott (1991: 50). Hubungan Munshi Abdullah dan majikannya, seorang Inggeris ternyata tidak menjejaskan akidahnya. Terdapat juga banyak bukti dan pemerhatian bahawa Munshi

menyalurkan perspektif keIslaman dalam karyanya, selain bersungguh membawa sudut pandang tersebut kepada majikannya. Hal ini dinyatakan oleh Siti Hawa Salleh (2009: 77); 'Biarpun Munshi Abdullah bukan seorang ulama, terdapat suasana keIslaman dalam karya karangannya. Beliau sering melihat bukan sahaja dari sudut untung rugi bangsa Melayu, tetapi mengemukakan beberapa pertimbangan dari sudut Islam.'

Kecintaan Munshi kepada faham, kepercayaan dan agama lain juga mendorong beliau mendalami konfusianisme. Untuk membolehkan beliau menguasai subjek yang beliau pelajari ini Munshi turut mempelajari bahasa Tionghua menerusi Li Sian Sing. Ini membolehkan beliau memahami kefahaman orang Cina mengenai berhalal, dan adat-adat mereka. Hal yang mendorong Munshi menekuni kepercayaan konfusianisme dan hal berkaitan bangsa Cina mungkin kerana jumlah penduduk Cina di Melaka antara tahun 1808-1814 yang meningkat kepada kira-kira 5 ribu orang dari seluruh populasi berjumlah sekitar 20 ribu orang (Xu Qiongwen, Aiza Maslan dan Mohd Syahmir Alias 2022: 104-105).

Kebolehan Munshi di atas ini seterusnya berguna apabila beliau bekerja dengan paderi-paderi British antara lain seperti Claudius Henry Thomsen untuk menulis dan menterjemah artikel-artikel untuk jurnal *The Indo-Chinese Gleaner* (hlm: 1122). Jelas Munshi beroleh banyak manfaat sewaktu berkhidmat dengan Inggeris termasuk meluaskan lagi pengetahuannya yang amat berguna untuk menjadikan masyarakat Melaka yang majmuk pada waktu itu saling berhubung tanpa prasangka.

Malahan menurut Nur Farhana Adanan dan Rahimah Hamdan (2018: 4-5), sikap dan tindak-tanduk Munshi Abdullah amat selari dan sejajar dengan ajaran agama Islam. Munshi misalnya mengecam, mengkritik dan melawan kepercayaan menjual anak apabila didapati tidak sihat, selain menekankan perjuangan menuntut ilmu pengetahuan yang pada masa itu sering diabaikan oleh orang Melayu.

Meskipun kerja makan gaji dengan penjajah, kebencian beliau kepada penindasan sering diserlahkan. Misalnya bantahan Munshi kepada cukai yang menjerut amat terserlah dalam *Hikayat Abdullah*, khusus dalam bab 'Darihal Belanda dalam Melaka' (Abdullah Kadir Munsyi 2004: 195).

Terdapat juga dakwaan bahasa Munshi Abdullah mengenteng atau memilih diksi dan terma yang kurang bagus sehingga mungkin membuatkan

rasa tidak senang orang Islam terhadap agama Kristian dan para mubaligh (Jan van der Putten 2006: 427). Paderi Reverend Beighton misalnya mengkritik terjemahan Gospel St John kelolaan Munshi tetapi kerana beliau adalah satu-satunya pakar dan penerjemah pada waktu itu, maka kritikan Beighton dipandang sepi. Tambahan pula kata Jan van der Putten (2006: 429/ 436), Munshi seorang yang sangat menekankan identiti keIslamannya dan terserlah dalam tulisan atau kerja terjemahannya.

Sukar untuk menghujahkan Munshi Abdullah adalah khadam penjajah. Bahkan, berdasarkan perbincangan di atas, terlihat dengan jelas Munshi Abdullah tidak dapat dihujahkan sebagai orang yang bersekolong dengan penjajah sebaliknya adalah seorang terpelajar yang sangat ghairah dengan ilmu dan ingin berkongsi apa yang beliau tahu dengan bangsanya. Sikap keterbukaan Munshi yang canggih ini menjadi batu tanda kepada kemajuan fikiran beliau berbanding jika beliau terperuk tertutup dan enggan mengenal atau mempelajari subjek yang langka. Ia juga merupakan satu aksi yang tumbuh dan terjelma dari kefahaman mendalam beliau terhadap agama Islam yang menuntut umatnya untuk belajar dan menuntut ilmu tanpa memilih-milih.

Bahkan kesungguhan dan kenekadan Munshi menggali pelbagai ilmu pengetahuan membuatkan pihak Inggeris seperti R.O Winstedt mengkagumi beliau, bukan sebaliknya. Munshi dianggap memecah tradisi, berjejak di bumi nyata dan seorang pemikir (Abdul Mutalib Embong 2016: 239).

PERBAHASAN MUNSHI ABDULLAH SEBAGAI GURU BANGSA

Terdapat beberapa aspek yang menjadikan Munshi Abdullah sebagai reformis sekali gus guru bangsa. Pertama; sikap dorongan dan komitmen beliau agar orang Melayu belajar, berilmu dan menolak amalan adat dan tradisi yang karut-marut. Kedua; kritikan beliau kepada feudalisme yang menjadi batu penghalang kemajuan umat Melayu. Makalah ini akan menunjukkan bukti kepada keterangan di atas.

Dalam konteks ilmu persuratan, masukan nasihat dan pengajaran dinilai sebagai didaktisme. Karya Munshi menepati pencirian kisah didaktik yang dalam masa sama memberikan pengetahuan budaya, '*didactic tales provide information about cultural values*' (Jan Vansina 1961: 154).

Formula didaktik dengan tujuan menggurui ini dapat ditemui dalam banyak peribahasa, dan simpulan bahasa. Jan Vansina seorang tokoh

pengkaji tradisi lisan dan hubungannya dengan pendekatan sejarah menyatakan peribahasa dan simpulan bahasa adalah khazanah bangsa yang berguna sebagai petua pendidikan.

'Proverbs, riddles, sayings, and epigrams. They are regarded as the storehouse of ancient wisdom. Unlike other types of formulae, they are meaningful in themselves, and sometimes contain historical information.'

(Jan Vansina 1961: 146)

Terdapat banyak peribahasa, dan simpulan bahasa yang diturunkan oleh Munshi Abdullah dalam karya-karyanya. Malahan dalam setiap bab atau darihal yang beliau turunkan dalam karya-karyanya ini Munshi memanfaatkan elemen didaktisme ini sepuas-puasnya untuk menasihati, mengkritik dan menegur bangsa Melayu. Antara nasihat dan kritikan Munshi mengenai orang Melayu yang paling menggigit adalah;

'Sebagai pula, maka ketakutanlah aku akan diriku sebab kudengar dan kulihat, kecualinya kebanyakan pula orang yang mengaku dirinya pada zaman ini pandai dan cakupnya pun berlebih-lebihan supaya dipercayai orang akan dia pandai. Tetapi cakupnya angin sahaja. Maka apabila disuruh orang akan dia berbuat barang suatu pekerjaan atau karangan atau darihal tulis-menulis erti bahasa, nescaya didapati akan dia, iaitu kosong, sebab segala cakupnya dan kepandaiannya itu bukan dengan pelajaran, melainkan menengar-nengar sahaja sepanjang jalan, maka sebab itulah tiada berketahuan hulu-hilirnya. Dan lagi pula, kebanyakan orang yang bebal yang tiada berbatu uji di tangannya, apabila ia menengar cakap orang berbagai-bagai itu, ia bukan adalah kelakuannya: Seperti orang mengantuk disorongkan bantal, maka lelaplah sahaja ia, yakni percayalah ia akan dia dengan tiada dicubanya iakah atau tidak, seumpama sebatang buluh terdiri, maka pada sangkanya inilah sebatang kayu yang baik lagi lurus, tiada bengkok-bengkok; pasti ada berterse dalamnya. Maka jikalau kiranya orang yang mempunyai budi, nescaya dibelahnyalah dahulu, dilihatnya dalamnya, nescaya didapitinya kosong, adanya. Tetapi adalah seperti kata arif, bahawasanya: Jauhari juga yang mengenal manikam, maka istimewa pula pada zaman ini, semenjak setelah menjadi negeri: Bilalang telah menjadi lang dan Pijat-pijat pun telah menjadi kura-kura dan Cacing pun telah menjadi ular naga.'

(Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi 2004: 3-4)

Petikan di atas adalah satu pesanan Munshi agar pertama, berhati-hati dengan orang yang berlagak pandai yang mana mereka sebenarnya adalah cendekiawan atau ulama palsu. Sebagai pencari ilmu Munshi mendorong kewajaran bertanya, menyoal dan berhujah dengan cermat setiap yang diperolehi tanpa terus menerimanya bulat-bulat. Dalam erti kata lain Munshi mendorong bangsa untuk menyaring setiap kebenaran ilmu yang diperolehi khusus jika

diterima daripada sumber guru yang kelihatan tidak meyakinkan.

Munshi juga menyinggung masyarakat Melayu khususnya golongan muda yang tidak mahu mendalami bahasa ibunda sendiri atau dalam erti kata lain golongan muda ini tidak mempunyai kesedaran untuk mengangkat bahasa dan persuratan Melayu ke peringkat yang lebih tinggi dan boleh dibanggakan.

'Adalah suatu hairan lagi tercengang aku sebab melihatkan dan memikirkan hal orang Melayu ini, belum sedarkan akan dirinya, ia tinggal dalam bodohnya itu, oleh sebab ia tiada mau belajar bahasanya sendiri dan tiada mau menaruh tempat belajar bahasanya itu. Maka mustahil pada akal: Adakah orang yang tiada belajar itu boleh menjadi pandai sendirinya? Bukankah segala bangsa-bangsa yang lain dalam dunia ini masing-masing ada belajar bahasanya, melainkan orang Melayu?' (hlm: 40).

Munshi juga menekankan bahawa adalah amat penting bagi masyarakat Melayu untuk menguasai bahasa ibunda mereka. Ini adalah kerana bahasa Melayu adalah bahasa perantara yang kaya dengan rahsia sebagaimana dipetik "... barang tauladan atau petua atau tiruan'. Terdapat juga perkataan yang 'indah-indah dan yang manis-manis' disebut Munshi boleh dilihat dalam petikan 'simpulan perkataan dan ikatan perkataan dan tangkai perkataan dan ringkasan perkataan dan lanjutan perkataan dan kuasa perkataan dan memaniskan perkataan dan tumbuh perkataan dan campuran perkataan dan tuju perkataan dan tajamkan perkataan dan sebagainya' (hlm: 36).

Oleh sebab itulah Munshi sanggup belajar bahasa Melayu meskipun beliau sendiri bukan seorang Melayu, dan kebanyakan guru beliau itu adalah bijak pandai yang sebenar seperti contohnya Dato Sulaiman dari Kampung Hulu yang sudah berusia lapan puluh ke sembilan puluh semasa beliau menjadi muridnya. Selain Dato Astur yang menguasai adat dan juga petua Melayu, termasuklah hikayat-hikayat lama (hlm: 37).

Munshi menolak hujah bahawa bahasa Melayu itu mudah dan menegaskan agar generasi muda benar-benar berhati-hati dan mendalami bahasa ini sebelum berpindah mempelajari bahasa lain (hlm: 37).

Selain menguasai bahasa Melayu dengan baik, Munshi juga berkemahiran dan menguasai beberapa bahasa lain seperti bahasa Cina, Tamil dan bahasa Inggeris. Munshi juga turut mempelajari selama tiga ke empat tahun dan menguasai bahasa Hindustan. Beliau mempelajari bahasa Hindustan daripada

askar-askar dan pedagang-pedagang Hindustan. Sebagai timbal balik, beliau mengajarkan askar-askar dan pedagang-pedagang Hindustan tersebut akan bahasa Melayu. Melalui kelompok askar dan pedagang Hindustan inilah beliau digelar sebagai Munshi berdasarkan penguasaan bahasa Melayu beliau itu.

Munshi menyangkal dakwaan bahawa terdapatnya tanggapan mempelajari bahasa Inggeris akan menyebabkan fikiran seseorang yang mempelajarinya akan rosak dan terpengaruh dengan dakyah agama Kristian. Munshi. Seperti petikan tersebut:

‘Bermula, maka adalah telah berpuluh-puluh kali aku ini disuruhkan oleh tuan-tuan itu memanggil dan mencari anak-anak Melayu supaya boleh ia belajar dan mengetahui membaca dan menulis, baik bahasa Melayu, baik bahasa Inggeris. Maka oleh sebab bodohnya dan sangka mereka itu nanti dimasukkan Inggeris, tiadakah ia mau datang, karena fikiran mereka itu dengan kekerasan nanti ditangkap dimasukkan Inggeris. Maka beberapa kali sudah kau ingatkan akan mereka itu serta memberitahu akan mereka itu bahawa sekali-kali tiada Inggeris itu hendak memasukkan seseorang ke dalam agamanya kalau yang empunya diri tiada suka, melainkan supaya kamu boleh belajar dan mengetahui bahasa kamu dan bahasa Inggeris, kelak nanti di belakang banyak gunanya’ (hlm: 122).

Sewaktu mempelajari bahasa Inggeris, pergaulan Munshi khususnya dengan paderi-paderi dari Kolej Anglo telah menyebabkan beliau didengki oleh sebilangan orang. Munshi ditohmah sebagai sudah terpengaruh dengan agama Kristian dan dilabel sebagai Abdullah Paderi (hlm: 124-125).

Munshi juga lantang menyuarakan pandangan dengan menolak kepercayaan karut dan tahyul yang ditanam dalam pemikiran orang Melayu. Beliau menegaskan bahawa pemikiran sebegini akan menyebabkan sesebuah bangsa itu mundur dan terperuk. Kita menemui banyak isu-isu sebegini yang diketengahkan melalui karya-karya beliau.

Mengambil contoh ketika peristiwa penangkapan sekawanan gajah untuk dimasukkan ke dalam kandang diketuai oleh seorang pawang gajah untuk dipersembahkan kepada Residen Inggeris pada waktu itu, William Farquhar. Munshi Abdullah menyatakan dengan jelas dan mengkritik betapa orang Melayu mudah diperbodohkan oleh pawang tersebut. Munshi menyatakan bahawa perkara yang mendorong haiwan tersebut masuk ke dalam kandang adalah kerana tarikan makanan yang banyak seperti pisang dan tebu diletakkan dalam kandang tersebut. Munshi menambah, gajah-gajah itu ditangkap bukan kerana ilmu mistik yang terdapat pada pawang tersebut untuk menundukkan

gajah tetapi lebih kepada sifat logik akal dalam menangani perkara ini. (hlm: 55).

Bagi membuktikan hujah beliau mengenai kekarutan pawang gajah tersebut, Munshi dengan sengaja telah memberikan ‘sogokan’ kepada pawang tersebut untuk memberikan kebenaran meninjau gajah-gajah tersebut dari jarak dekat. Terbukti bahawa kejadian ini adalah rancangan pawang gajah tersebut untuk menipu dan menunjukkan kehebatannya demi untuk memperdayakan orang Melayu bagi tujuan keuntungan semata-mata. Petikan dirujuk ‘Maka dilarangkan orang tiada diberinya seorang pun orang lain naik, katanya nanti rosak ubatnya. Maka pergilah aku perlahan-lahan kepada pawang itu. Maka kuunjukkan satu rupiah ke tangannya. Maka apabila dirasainya rupiah itu, maka katanya, “Hei! Naikkan encik ini. Lekas!” Maka tersenyum aku seraya berkata dalam hatiku, “Mana lebih, kuasa ubat itukah atau rupiah inikah?” Maka dinaikkan oleh oranglah akan daku ke atas kandang itu serta diberinya sebatang kayu ke tanganku, katanya, “Apabila gajah itu mencapai, segeralah pukul’ (hlm: 54).

Minda saintifik di atas diteruskan oleh Munshi dengan menolak pemikiran dan kepercayaan tahyul mengenai hantu dalam masyarakat Melayu. Munshi percaya bahawa kepercayaan dan pemikiran kolot ini hanya akan menyebabkan pemikiran masyarakat Melayu mahupun Cina akan mundur. Munshi merakamkan insiden ini dimana anak orang gaji majikannya iaitu Tuan Milne dikatakan dirasuk oleh Pontianak atau polong:

‘Apa ertinya pontianak dan polong?’ Maka tertawalah aku serta kuertikanlah kepada Tuan Milne dengan terangnya akan segala nama-nama hantu syaitan yang dipercayai oleh orang Cina dan Melayu yang bodoh lagi sia-sia, iaitu turun-temurun daripada nenek moyang dahulu kala. Tinggal lagi, sampai sekarang entah beberapa banyak perkaranya itu tiadalah dapat aku bilangkan dan aku uraikan ertinya, melainkan dengan ringkasnya sahaja aku sebutkan, iaitu hantu, syaitan, polong, pontianak, penanggalan, jin, pelesit, mambang, hantu pemburu, hantu rimba, jadi-jadian, hantu bungkus, bota, gergasi, raksasa, nenek kebayan, himbasan, sawan, hantu mati dibunuh, bajang, keteguran, sampukan, pupuk, afrit, jembalang, terkena, ubat guna. Dan lagi, ada beberapa banyak ilmu-ilmu yang tiada aku teringat iaitu seperti gagah dan penunduk, pengasih, kebal, kesaktian, tuju, alimunan dan penderas, perapuh, cuca, pelali, perangsang, dan sebagainya. Entah ada banyak lagi. Maka sekalian yang tersebut itu dipercayai orang, ada dengan gurunya, tempat belajar dan ada pula tukang ubatnya yang tau ini jenis penyakitnya, ini jenisnya ubatnya. Maka adapun sekalian itu yang boleh mengadakan bahaya di atas manusia.’ (hlm: 110-111)

Munshi juga menambah dan menegur kepada mana-mana orang yang berhasrat untuk mempelajari, mengajar mengenai kepercayaan hantu syaitan seperti berikut; ‘Tuan, semua perkara ini, jikalau sahaya ertikan, boleh jadi satu kitab besar. Adapun isinya kitab itu semuanya perkara bodoh dan sia-sia belaka, yang tiada berfaedah. Lagipun orang yang berakal tiada suka menegar, ditertawakannya sahaja’ (hlm: 111).

Nasihat dan teguran Munshi seperti di atas perlu diberi perhatian oleh bangsa khususnya masyarakat Melayu dan Cina apabila berdepan dengan pengamal-pengamal perubatan yang terdidik dengan kepercayaan ini. Hal ini dapat dilihat pada kutipan teks berikut:

‘Adalah dalam fikiranku orang yang bodoh lagi tiada berilmu ini bahawa sekali-sekala tiada patut orang percaya seperti polong dan penanggalan dan segala perkara yang tersebut itu, karena asalnya pekerjaan itu semuanya terbit daripada hati orang yang tiada beriman kepada Allah dan Rasul, dan lagi tiada pula mengetahui jalan Allah Ta’ala. Maka ia itulah saja yang berkuasa atas tiap-tiap sesuatu yang boleh mengadakan baik dan jahat, maka kita percaya ada pula yang lain yang boleh mendatangkan sesuatu, nescaya adalah pula yang lain daripada Allah. Maka sekalian itu bohong lagi dusta, adanya’ (hlm: 114).

Munshi juga turut menyatakan bahawa kepercayaan seseorang yang dipengaruhi atau dikuasai oleh mitos hantu iblis hanyalah pada hati dan pemikiran seseorang yang mempercayainya sahaja; ‘Maka sungguhpun ia itu menjadi tetapi bukannya daripada kuasa syaitan-syaitan itu, melainkan sebab yakin dan percaya hati orang yang meminta itu, maka dilorongkan Allah kehendaknya’ (hlm: 115).

Munshi juga menegaskan bahawa kepercayaan kepada mitos hantu iblis ini adalah sebagai satu pembohongan dan memperbodohkan masyarakat secara jelas, secara tidak langsung kepercayaan karut ini menafikan sifat dan kekuasaan Allah SWT, ‘Demikianlah adanya. Segala hantu syaitan yang tersebut itu pun halnya kudapati dalamnya bohong dan tipu dan perdaya dan silap mata. Maka sebab itulah berani aku bersumpah menyebut nama Allah mengatakan bukannya benar; hanya semata-mata kejahatan dalamnya dunia dan akhirat’ (hlm: 115).

Kepercayaan mengenai adat ‘menjual’ anak seandainya anak tersebut sering mengalami sakit berpanjangan turut menjadi sasaran isu dan kebencian Munshi. Perihal ini terakam dalam tulisan beliau seperti berikut; ‘...bahawa ini pun satu adat nenek moyang bodoh yang tiada ia mengetahui Allah Ta’ala, adakah sebab dijualkan itu menjadi panjang

umurnya dan jikalau dipelihara oleh ibu-bapanya menjadi pendek umurnya atau mati? Maka sekali-kali jangan kita percaya yang demikian.’ (hlm: 15).

Dasar logik dan minda saintifik yang ditonjolkan oleh Munshi Abdullah di atas membuktikan beliau seorang yang jujur dengan bangsanya. Bukan itu sahaja, sukar untuk menghujahkan beliau sebagai seorang ‘khadam penjajah’ apabila beliau sendiri sangat menguasai ilmu-ilmu Melayu khususnya dalam hal persuratan yang menurut beliau merupakan satu kemestian buat anak bangsa.

PERBAHASAN MINDA SAINTIFIK MUNSHI ABDULLAH

Seperti telah disentuh sebelumnya, selain dari kebencian Munshi Abdullah terhadap pemikiran karut dan tahyul yang tidak berjejak, Munshi Abdullah juga sangat tergiurkan sains teknologi khusus yang dibawa oleh penjajah Inggeris menerusi kemajuan percetakan. Munshi Abdullah ingin merebut peluang dan kesempatan untuk mempelajari proses penerbitan dan percetakan dalam industri yang sedang berkembang pesat itu dengan harapan dapat membantu bangsa. Malah tidak syak lagi dapat diujahkan salah satu faktor pendorong Munshi bertugas dengan Inggeris ketika itu adalah kerana keghairahannya kepada kepesatan teknologi penerbitan Barat:

‘To Abdullah, print creates the capacity of society to narrate, to tell stories, to organize itself around an identity’

(Ahmad Murad Merican 2011: 117).

Jika tidak kerana Munshi, sukar untuk membayangkan jumlah penerbitan dan percetakan bahan berbahasa Melayu berkembang pesat kemudiannya. Hal ini dijelaskan oleh Proudfoot (1993: 16-20) yang menghujahkan Munshi adalah antara sebab-musabab awal tercetusnya persekitaran percetakan yang sihat untuk karya berbahasa Melayu.

Menurut Ahmad Murad Merican (2011: 118) Munshi berasa yakin penggunaan alat-alatan teknologi Barat akan membantu orang Melayu untuk terus maju dan atas rasa bimbang ketinggalan inilah mungkin menjadi motivasi utama Munshi untuk mendekati orang Inggeris dan mendalami ilmu percetakan dan penerbitan moden tatkala itu:

‘Clearly, Abdullah was aware of the advantages of print culture. His reflections on the subject are not the only reason why Abdullah is usually presented as one of the fathers of

modernity in the Malay-speaking world. In his writings, he also tried to wake his readers up from their slumber; inciting them to fight the declines of Malay culture. Abdullah was convinced that European civilization offered the tools needed to bring this decline to a standstill. In Abdullah's view, the adoption of European thinking and techniques could move the Malays forward.'

Manifestasi keinginan dan kehairahan beliau mendalami sains dan teknologi tanpa mengira siapa pun yang empunya terpancar jelas dalam kerja beliau. Ketika zaman tersebut, percetakan adalah aktiviti utama para misionaris Kristian. Ini kerana usaha penyebaran agama Kristian berjalan seiring dengan kepesatan penerbitan dan percetakan (Jan van der Putten 2006, 410). Ketika itu juga, bahan penerbitan dan percetakan dalam bahasa Cina mencapai hampir dua juta halaman. Penerbitan berbahasa Melayu bagaimanapun hanya datang daripada Munshi Abdullah, yang mana bekerjasama dengan mubaligh Kristian seperti Alfred North yang belajar bahasa Melayu daripadanya (hlm: 413). Hubungan akrab Munshi dengan para majikan Inggerisnya ini membolehkan *Hikayat Abdullah*, karyanya yang kontroversial itu dicetak batu (litografi) pada tahun 1849 dan kemudian di Leiden pada tahun 1882 (Marina Munira Abdul Mutalib 2012: 97).

Tentu sahaja cerminan minda saintifik Munshi Abdullah ini lebih terserlah dalam kerja gotong-royong beliau dengan North dan juga Keasberry pada tahun 1855 dengan *Ceretera Ilmu Kepandaian Orang Putih* (Jan van der Putten 2006: 418) yang kemudian dalam tahun-tahun 1880an dicetak berulang kali dan menjadi bacaan di dalam sistem persekolahan ketika itu (hlm: 419). *Ceretera Ilmu Kepandaian Orang Putih* memuatkan pelbagai pengetahuan sains tentang bumi, atmosfera, ilmu alam, antropologi dan perbincangan tentang inovasi pada zaman tersebut. Selain karya ini, Munshi juga menghasilkan *Hikayat Binatang* yang merupakan buku sains hayat bahasa Melayu yang pertama digunakan di sekolah-sekolah (Marina Munira Abdul Mutalib 2012: 93).

Apa yang sangat perlu ditekankan disini ialah Munshi melihat pengetahuan tentang teknologi ini akan membantu bangsa, termasuk membangunkan orang Melayu yang miskin. Walaupun karya ini tiada nama yang tertentu atau nama Munshi sebagai pengarang atau penulis bersama, membaca isi kandungannya akan memerikan kepada kita bahawa karya ini mempunyai peranan besar di tangan dan benak Munshi Abdullah.

Dalam hal menunjukkan manfaat teknologi pengangkutan dan pembuatan, Munshi menghujahkan masyarakat akan mendapat manfaat besar dan ini termasuklah golongan yang tidak berupaya dari segi ekonominya:

'Sebermula adalah guna yang terbesar sekali dalam pekerjaan kereta asap itu yaitu mendekatkan perjalanan yang jauh. Adapun dahulu daripada orang mendapat hikmat kereta asap itu maka jikalau orang hendak pergi ke negeri2 yang jauh2 dapat tiada kena beberapa banyak belanja dan susah dan lama di jalan. Dan jikalau ada saudagar pergi dalam sepuluh hari maka beberapalah kerugiannya dalam perniagaannya itu. Adapun di sana ada beberapa ribu2 saudagar yang besar2 dengan tiada boleh bergerak daripada pekerjaannya pada tiap2 hari adanya. ... Dan sebagai lagi gunanya perbuatan itu menjadikan murah harga segala jenis dagangan sebab hilang belanja sewa perjalanan yang jauh2 itu yaitu seperti kepada orang yang membuat kain itu maka dari asalnya belanja membawa kapas begitu jauh, beberapa belanja membawa kain itu ke bandar. Maka sebab itulah dahulu menjadi mahal. Maka adapun gunanya yang tersebut itu sekali2 bukannya kepada saudagar2 atau kepada orang yang membuat kain itu melainkan gunanya itu kepada segala orang yang miskin2 supaya boleh ia membeli dengan murah. Maka adalah dari sebab segala perkara yang tersebut itu mendatangkan kesenangan dan kesentosaan kepada segala orang miskin seperti orang kaya2 adanya.'

(Keasberry 1855: 50-52)

Petikan di atas menunjukkan kewarasan dan kebijaksanaan Munshi Abdullah melihat dan menjangkakan kesan pasaran dan ekonomi. Munshi sangat berpihak kepada orang miskin dan untuk itu beliau sering menghujah dan menyerukan kepada usaha menuntut ilmu:

'Sebermula adapun sebab pekerjaan yang baik ini dan adat yang baik ini menjadi penuhlah segala negeri2 itu dengan orang yang miskin pandai dan yang baik maka tiadalah boleh orang kaya itu menghinakan orang miskin seperti orang besar2 Melayu itu menghinakan orang kecilnya karena ada ilmunya orang miskin itu seperti ilmu dan kepandaian orang kaya juga adapun orang di sana tiada ia menghormati orang sebab kayanya melainkan jikalau orang miskin sekalipun jikalau ada ia berilmu maka yaitu dihormati orang adanya adapun segala orang yang keluar daripada tempat pelajarannya itu mendapatlah sentosa dan selamat kehidupannya selama-lamanya maka tiadalah mereka itu berpikir sebab sudah ia menjadi pandai sekarang biarlah ia duduk sahaja cuma2 dengan tiada bekerja dengan makan tidur sahaja kecualinya seperti pekerjaan orang sebelah sini itulah kesukaannya (hlm. 14-15)'

Itulah sebabnya juga Munshi mendambakan anak bangsa untuk rajin, pandai dan belajar sains teknologi agar tidak diperbodohkan oleh feudalis Melayu yang terdiri daripada kaum agamawan yang bongkak dan beragenda, serta kaum bangsawan yang memeras lagi menindas:

‘Maka jikalau engkau bertanya apakah guna kitab yang murah harganya itu maka aku jawab akan dia bukankah baik ada kitab2 banyak kepada orang miskin supaya tertegahlah ia daripada berjalan2 yang tiada berfaedah dan masuk dalam pekerjaan yang jahat itu. Dan kalau ia boleh mendapat kitab2 itu dengan murah harganya supaya boleh ia duduk membaca dengan anak bininya bukankah itu terlebih baik seribu kali daripada tinggal dalam malas dan bodoh dengan makan tidur sahaja seperti binatang. Dan lagi jikalau kitab itu murah harganya maka menjadi terlalu besar gunanya dalam segala tempat belajar. Maka jikalau pada sangkamu pekerjaan ini tiada berguna maka aku jawab akan dia jikalau ada kepadamu sebuah kitab tulisan tangan yang penuh dengan perkataan yang berguna dan yang halus lagi terang bahasanya dan elok pula karangannya serta betul sekali hurufnya maka beberapalah indahnya yaitu kepadamu dan beberapakah mahal harganya engkau kehendaki dan barangkali engkau sembunyikan daripada mata orang lain. Maka cobalah engkau berpikir jikalau ada tempat belajar yang besar itu penuh dengan budak2 maka adalah di hadapan masing2 sebuah kitab yang baik dengan tiada meminjam dan sewa kepada orang lain maka jikalau hilang dan rusak maka jikalau anak miskin sekalipun boleh senang dapat kitab begitu lagi. Syahdan jikalau kiranya kitab ini sampai ke tangan haji2 yang congkak atau orang lain2 yang menaruh dengki akan orang2 miskin mendapat ilmu yang besar atau orang yang ada menaruh sangka bahwa tiada patut ilmu yang baik2 itu dirusakkan kepada segala orang kecil dan raja2 yang bebal pun ada yang takut rakyatnya menjadi terlebih pandai daripadanya takut hilang kebesarannya, maka adalah kepada segala mereka itu kami lawan atas dua perkara. Pertama2 maka bahwa sesungguhnya adalah segala ilmu itu diturunkan Allah taala bagi segala manusia maka sebab itu sekali2 tiadalah patut seorang menyembunyikan dia daripada seorang. Maka adalah seolah2 engkaulah pencuri pusaka daripada warisnya adanya. Kedua dalam negeri Eropah pun pada asalnya apabila orang mendapat ilmu cap itu maka barang orang pandai ada menaruh dengki supaya jangan diketahui oleh orang banyak akan ilmu itu tetapi pada masa itu ada pula orang yang terlebih pandai maka yaitu tiada menaruh dengki sebab diketahuinya sungguhpun orang kecil itu menjadi pandai tetapi orang yang telah pandai itu boleh menjadi terlebih pandai pula. Dan lagi ada suatu faedah yang terlebih besar dalam negeri Eropah pada masa itu maka jikalau banyak orang rakyat menjadi pandai niscaya menjadi takutlah raja2nya itu lagi tinggal dalam kekebalannya dan aniayanya dan tinggal dalam permainan yang sia2 karena ini menjadi congèl yang menyongkèl dia pada tiap2 hari sehingga ia bangun pergi belajar’ (hlm: 68-71).

Jelas dalam perenggan panjang di atas, satu hal yang paling penting ialah, Munshi mahu bangsa Melayu pandai agar tidak dibodohkan oleh mereka yang mahu orang Melayu terus ketinggalan untuk diperkotak-katikkan dan diperkudakan. Juga dapat dihujahkan minda saintifik yang dimiliki Munshi Abdullah ini tidak menyalahi Islam, malah kebijaksanaan dan kewarasan sebegini amat dituntut oleh agama.

Munshi juga memesan agar ilmu tidak disembunyikan supaya masyarakat seluruhnya menjadi terpelajar. Tidaklah menghairankan justeru

jika ada sesetengah pihak khusus agamawan dan bangsawan yang tidak mahu masyarakat menjadikan Munshi Abdullah sebagai pedoman dan model. Ini kerana mereka khawatir apa yang diutarakan oleh Munshi itu akan membuka pekung di dada.

KESIMPULAN

Adalah sangat dikesalkan tokoh ternama dan bersejarah seperti Munshi Abdullah sering disalahertikan. Tanggapan bahawa Munshi adalah khadam penjajah, atau pengampu Inggeris muncul berulang kali. Namun demikian pandangan bahawa Munshi Abdullah sebagai syaitan dapatlah dikatakan ekstrem dan berlebih-lebihan. Sorotan karya-karya Munshi Abdullah memperlihatkan beliau sering disalah tafsir kerana dihujahkan sarwa pandangannya itu berteraskan Barat yang sebetulnya tidak sederhana untuk dihujahkan secara simplistik dan permukaan. Apatah lagi ketegasan Munshi sebagai seorang anti-feudal meletakkannya semacam pembenci elit Melayu. Munshi Abdullah adalah seorang pendialog yang hebat di mana dalam proses dialog itu, Munshi berjujur dan tidak perlu mengorbankan prinsipnya. hal ini terlihat dalam hubungannya dengan para majikan Inggeris yang mendapatkan khidmat beliau. Bukan itu sahaja Munshi Abdullah adalah seorang guru bangsa yang amat mencintai bangsa dan kebudayaan Melayu sehingga terpanggil untuk mempertahankan dan melindunginya dari ancaman bangsa itu sendiri. Kritikan-kritikan terhadap orang Melayu daripada Munshi Abdullah untuk memberikan petunjuk agar Melayu pulih, mahu melakukan islah dan tidak terkongkong oleh tradisi lama yang ketinggalan. Atas sebab inilah Munshi yang berfikiran saintifik dan logik amat ghairah dengan sains teknologi khususnya untuk mengalami sendiri kemajuan industri percetakan dan penerbitan tatkala pertengahan abad ke-19. Atas alasan-alasan di atas, ternyata tidak mudah melemparkan tuduhan bahawa Munshi Abdullah adalah khadam Inggeris. Seorang khadam akan setia dan tidak menyanggah tuannya. Munshi bagaimanapun kritis terhadap penjajah mahupun yang dijajah. Sifat-sifat revolusioner Munshi Abdullah juga menjadikannya seorang munshi atau guru yang terbilang. Tindak-tanduk dan aksi Munshi Abdullah seperti dirakamnya sendiri dalam karya-karyanya tidak bersalahan dengan kepercayaan beliau sebagai seorang alim dari keluarga terpelajar. Adalah sangat

tidak patut menghujahkan Munshi Abdullah sebagai khadam penjajah, dan lebih tidak wajar dan ekstrem memanggil beliau sebagai syaitan. Sorotan dan analisis mendalam terhadap Munshi Abdullah dan karya-karyanya memahamkan pembaca mengenai sikap dan tanggapan nilai orang Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Hadi Awang, Abdul. 2023. Melayu dianggap bodoh. *Harakah Daily*, 21 August. <https://harakahdaily.net/index.php/2023/08/21/melayu-dianggap-bodoh/> (accessed 21 August 2023).
- Abdul Mutalib Embong, Juhari Sham Jusoh, Juliani Hussein and Razita Mohammad. 2016. Tracing the Malays in the Malay land. 3rd Global Conference on Business and Social Science 2015, GCBSS. 16-17 December. *Procedia - Social and Behavioural Sciences* 219: 235-240.
- Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. 2004. Dalam *Hikayat Abdullah*, ed. Kassim Ahmad. Damansara: Yayasan Karyawan.
- Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. 2005. Dalam *Karya Lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi Jilid 1*, ed. Amin Sweeney. Jakarta Selatan: Kepustakaan Populer Gramedia dan Ecole Francaise d'Extreme-Orient.
- Ahmad Murad Merican. 2011. Occidentalism in the Malay world: The West through the eyes of Abdullah Munshi. *Malay Literature* 24 (1): 109-129.
- Azizan Baharuddin. 2005. Dialog peradaban: Perspektif global dan lokal. In *Dialog Peradaban: Peranan dan Kepentingannya di Malaysia*, ed. Azizan Baharuddin. Petaling Jaya: Institut Perkembangan Minda dan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.
- Mohd Faizal Musa
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: mfaizalmusa@ukm.edu.my
- Tujeri Shah Abdul Razak
Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)
464 Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Malaysia
- Azmi bin Junid. 1967. An appraisal of 'Kesah Pelayaran Abdullah ka-Kelantan' as an historical work. *Peninjau Sejarah* II (1): 1-11.
- Hadijah Rahmat. 2020. Nature and self in the works of Munshi Abdullah. In *Beyond Bicentennial: Perspectives on Malays*, edited by Zainul Abidin Rasheed., Wan Hussin Zoonhri and Norshahril Saat, 233-274. Singapore: World Scientific Publishing Company.
- Jan van der Putten. 2006. Abdullah Munsyi and the missionaries. *Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia and Oceania* 162-4: 407-440.
- Jan Vansina. 1961. *Oral Tradition: A Study in Historical Methodology*. London: Routledge & Kegan Paul.
- John Turnbull Thomson. 1984. Abdulla bin Abdul Kader Moonshree. In *Glimpses into Life in Malayan Lands*. Singapore: Oxford University Press.
- Kamus Filsafat. 2000. *Lorens Bagus*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Keasberry, B.P. 1855. *Ceretera Ilmu Kepandaian Orang Putih*. Singapore: Bukit Zion.
- Majalah Guru. 1935. Tun Seri Lanang dan Munshi Abdullah. July: 265-270. <https://sea.lib.niu.edu/islandora/object/SEAImages%3AMG-1935-07-TunSeriLanang> (accessed 17 July 2023).
- Marina Munira Abdul Mutalib. 2012. The contribution of Abdullah Munsyi in Malay literary works. *Al-Abqari Journal* 2: 87-103.
- Northcott, M.S. 1991. Christian-Muslim relations in West Malaysia. *The Muslim World* LXXXI (1): 48-71.
- Nur Farhana Adanan and Rahimah Hamdan. 2018. Abdullah Paderi: Perbandingan unsur nasihat dalam Hikayat Abdullah dengan al-Quran dan Hadis. *Jurnal Wacana Sarjana* 2 (2): 1-12.
- Proudfoot, I. 1993. *Early Malay Printed Books: A Provisional Account of Materials Published in the Singapore-Malaysia Area up to 1920, Noting Holdings in Major Public Collections*. Kuala Lumpur: Academy of Malay Studies and The Library University of Malaya.
- Siti Hawa Salleh. 2009. *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suriasumantri, Jujun S. 2000. *Filsafat Ilmu Sebuah Pengantar Popular*. Edisi 13. Jakarta: Sinar Harapan.
- Xu Qiongwen, Aiza Maslan and Mohd Syahmir Alias. 2022. Munshi Abdullah, Konfusianisme Melaka dan keterlibatan dalam polemik identiti Sianu. *Jurnal Melayu* 21 (2): 96-114.